

# PM: Negara harus baru memantapkan

## cari sumber perolehan hasil

SETIU 17 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara harus mencari sumber baru dan mempelbagaikan yang sedia ada bagi mengekal dan memantapkan perolehan hasil.

Katanya, negara tidak boleh bergantung kepada satu sumber sahaja kerana ia tidak dapat bertahan lama atau kekal.

Dr. Mahathir menambah, negeri-negeri yang mempunyai sumber kekayaan sendiri tidak seharusnya memikirkan untuk mengaut hasil darinya sepanjang masa.

Oleh itu, usaha untuk meningkatkan dan mempelbagaikan sumber yang ada dan mencari sumber baru perlu difikirkan supaya perolehan dapat dipertahankan.

Sebagai contoh, katanya, jika dahulu Perak mempunyai banyak bijih timah, sekarang sudah berkurangan, Terengganu juga yang sekarang ini bergantung kepada kekayaan petroleum dan gas akan

menerima nasib yang sama.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Ladang Ternakan Bebiri Chaluk dekat sini petang ini. Turut sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pertanian, Dato' Sri Sanusi Junid, Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Mohd Yusuf Noor dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Tengku Mahmud Mansor.

### Sumber

Katanya, dalam pembangunan pertanian, ia mesti melibatkan peningkatan kecekapan guna tenaga dan sumber untuk menambahkan lagi daya pengeluaran, nilai hasil dan pendapatan pengusaha.

Perdana Menteri juga mahu mereka yang terlibat dengan sektor tersebut supaya menggunakan akal fikiran dan tenaga untuk mempelbagaikan usaha mereka, seterusnya menambahkan lagi pendapatan masing-masing.

Dalam hal ini, tambahnya pemeliharaan ternakan di dalam kawasan ladang boleh memberi banyak faedah secara langsung atau tidak langsung klfususnya memaksimumkan guna tanah, meningkatkan pendapatan dan kecekapan penggunaan tenaga manusia.

Dr. Mahathir berkata, semua manusia yang tidak menggunakan tenaga dan fikiran bukan sahaja mengalami kerugian, malah keadaan hidupan mereka akhirnya menjadi lemah.

Terdahulu daripada itu, Sanusi dalam ucapannya berharap kempen perdana secara besar-besaran perlu dilancarkan bagi menanam minat orang ramai supaya gemar memelihara ternakan termasuk bebiri.

Menteri Pertanian itu menyatakan ternakan bebiri mempunyai potensi kerana pada tahun depan sahaja negara-negara Arab telah bersetuju untuk membeli 900,000 ekor dari Malaysia sedangkan negara mampu me-

ngeluarkan 32,000 ekor sahaja.

Beliau menyatakan setiap tahun negara-negara seperti Chile, Australia dan New Zealand mengeksport biri-biri ke negara Arab dimana satu musim haji sahaja, 3 juta ekor bebiri diperlukan untuk korban di tanah suci.

Sementara itu, Wan Mokhtar dalam ucapannya pula menganggarkan 120,000 ekor bebiri masih boleh dipelihara di kawasan getah yang melibatkan seluas 92,000 hektar di seluruh negeri.

Beliau menyeru ladang-ladang getah di negeri turut sama menjalankan usaha sampingan menternak bebiri secara bersungguh-sungguh dalam usaha memenuhi keperluan negara dan untuk dieksport.

Menurutnya, kehadiran pihak swasta juga dialu-alukan mengusahakan projek ternakan khasnya bebiri atau lembu di negeri ini kerana selain dari peluang pasaran tempatan yang luas, potensi eksport juga boleh diusahakan.